

## Korelasi Penghargaan Kendiri dan Tingkah laku Kerohanian Remaja *Asnaf*

[Correlation of Self-Esteem and Spiritual Behavior of *Asnaf* Teenagers]

Siti Jamiaah Abdul Jalil<sup>\*1</sup>, Ahmad Irdha Mokhtar<sup>1</sup>, Fariza Md. Sham<sup>2</sup>, A'Dawiyah Ismail<sup>1</sup>, Farah Ayuni Mohd Hatta<sup>2</sup>, Anuar Puteh<sup>1</sup>, Abdul Razaq Ahmad<sup>3</sup>, Safiah Abd Razak<sup>4</sup>, Asmadi Abdul Rahman<sup>4</sup>, & Wafa Amni Fajuri<sup>1</sup>.

<sup>1</sup> Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>3</sup> Pusat Kajian Pendidikan& Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>4</sup> Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang, Malaysia.

\* Corresponding author: [sitijamiaah82@ukm.edu.my](mailto:sitijamiaah82@ukm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.33102/ uij.vol36no02.560>

### Abstrak

Faktor sosioekonomi dikhuatiri mempengaruhi penghargaan diri remaja *asnaf* sehingga memberi kesan negatif terhadap perkembangan psikologi serta tingkah laku mereka. Walau bagaimanapun, tingkah laku kerohanian dipercayai mampu mengimbangi kesan negatif dan membina kendiri yang lebih positif. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan tingkah kerohanian dan tahap penghargaan kendiri remaja *asnaf*. Kajian kuantitatif ini menggunakan metode tinjauan dengan mengedarkan soal selidik kepada 242 remaja *asnaf* di negeri Pahang. Data dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 22 bagi mendapatkan analisis deskriptif dan korelasi. Hasil kajian menunjukkan kecenderungan tingkah laku kerohanian remaja *asnaf* adalah tinggi dan tahap penghargaan kendiri remaja *asnaf* berada pada tahap sederhana. Keputusan kajian juga mendapati tahap penghargaan kendiri dan tingkah laku kerohanian remaja *asnaf* mempunyai hubungan positif yang signifikan. Melalui kajian ini, pihak yang berkaitan dapat merangka modul serta program pembangunan remaja *asnaf* khususnya dalam meningkatkan penghargaan diri dan pembangunan diri remaja soleh.

**Kata kunci:** Penghargaan kendiri, tingkah laku kerohanian, remaja, *asnaf*, psikologi Islam

### Abstract

Socioeconomic factors are feared to affect the self-esteem of *asnaf* adolescents, thus harming their psychological development and behaviour. However, previous studies show that spiritual behaviour can offset adverse effects and build a more positive self. Therefore, this study aims to identify the relationship between the tendency of

Manuscript Received Date: 21/01/24

Manuscript Acceptance Date: 27/06/24

Manuscript Published Date: 30/07/24

©The Author(s) (2024). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my)



spiritual behaviour and the level of self-esteem of *asnaf* adolescents. This quantitative study uses a survey method by distributing questionnaires to 242 youth workers in Pahang. Data were analysed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22 to obtain descriptive and correlation analysis. The study results show that the tendency of spiritual behaviour of *asnaf* adolescents is high, and the level of self-esteem of *asnaf* adolescents is moderate. The study's results also found that spiritual behaviour and self-esteem of *asnaf* adolescents have a significant positive relationship. Through the findings of this study, relevant parties can form modules and programs for developing *asnaf* adolescents, significantly improving the self-identity and self-development of pious adolescents.

**Keywords:** *Self-esteem, spiritual behaviour, adolescence, asnaf, Islamic psychology*

## 1.0 Pendahuluan

‘Asnaf’ berasal daripada bahasa Arab yang merujuk kepada golongan masyarakat yang memerlukan bantuan atau zakat. Pembangunan golongan *Asnaf* dalam Islam adalah sebahagian daripada pelaksanaan prinsip keadilan dan solidariti sosial bagi mencapai kesejahteraan dalam masyarakat Islam. Keprihatinan terhadap golongan *asnaf* merupakan cara untuk mengamalkan dan mengekspresikan nilai-nilai kemanusiaan dan kasih sayang yang dianjurkan dalam ajaran Islam. Bagi memastikan kelestarian kesejahteraan masyarakat *asnaf*, golongan generasi muda *asnaf* iaitu remaja menjadi fokus utama kajian ini kerana golongan remaja merupakan aset berharga dalam pembangunan masa depan masyarakat dan umat Islam. Hal ini kerana, mereka memerlukan perhatian, bimbingan, dan sokongan khusus untuk memastikan mereka dapat tumbuh dan berkembang dengan baik.

Dalam membangunkan golongan remaja *asnaf* terdapat perkara penting yang perlu diberi perhatian iaitu isu signifikan yang mengganggu pembangunan diri mereka yang berkait dengan penghargaan diri mereka. Menurut Doi et al. (2022) penghargaan diri dalam kalangan remaja miskin adalah elemen utama dalam memecahkan kitaran kemiskinan mereka. Terdapat banyak kajian yang menunjukkan status sosioekonomi keluarga mempunyai perkaitan dengan penghargaan kendiri atau keyakinan diri remaja. Kajian Quon & McGrath (2014) mendapati status ekonomi keluarga mempunyai kesan yang besar terhadap kesihatan mental remaja salah satunya dari aspek penghargaan kendiri. Remaja daripada keluarga yang mempunyai status sosioekonomi rendah lebih cenderung mempunyai harga diri yang lebih rendah berbanding mereka daripada keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang lebih tinggi.

Tidak sekadar itu, individu berstatus sosioekonomi rendah dengan sumber psikososial yang kurang menunjukkan semakin mudah terdedah kepada emosi dan kognisi negatif dan mengakibatkan kesan buruk terhadap kesihatan fizikal serta mental mereka (Haniyah et al. 2022; Gallo et al., 2005; Taylor & Seeman 1999). Hal ini boleh memberi kesan negatif kepada diri dan mendorong kepada tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Kajian yang dilakukan oleh Rosenberg et al. (1978) mendapati wujudnya hubungan yang kuat di antara keyakinan diri dengan tingkah laku delinkuen. Gold & Mann (1972) pula mendapati lebih ramai remaja delinkuen secara signifikan memiliki keyakinan diri yang rendah. Hermann et al. (1997) juga mendapati kumpulan berisiko ini menunjukkan perubahan yang lebih baik apabila memiliki keyakinan diri lebih positif.

Widodo & Pratitis (2013) mendapati bahawa remaja dari latar belakang sosioekonomi rendah cenderung mempunyai harga diri dan kemahiran interaksi sosial yang lebih rendah berbanding dengan remaja dari latar belakang sosioekonomi yang lebih tinggi. Hal ini mendorong tingkah laku buli di sekolah lebih kerap berlaku dalam kalangan remaja daripada keluarga sosioekonomi rendah. Malah, hal ini juga boleh dikaitkan dengan kemungkinan berlakunya konflik dan keganasan lebih tinggi dalam hubungan sosial mereka di rumah.

Selain daripada itu, Li et al. (2020) mendapati status sosioekonomi keluarga juga mempengaruhi pencapaian sekolah akademik pelajar melalui konsep kendiri mereka. Latar belakang keluarga yang serba kekurangan mungkin mempunyai kesan negatif ke atas diri mereka dalam situasi sekolah, dan akhirnya mempengaruhi pencapaian akademik. Dari pada kajian ini juga Li dan rakan-rakan mendapati konsep kendiri merupakan penghubung kepada status sosioekonomi dan pencapaian ekonomi dan mencadangkan bahawa intervensi yang menyasarkan konsep kendiri mungkin merupakan cara yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian akademik sekolah pelajar-pelajar.

Dapatan ini selari dengan konsep Islam, yang membangunkan penghargaan kendiri umat Islam melalui konsep kendiri yang berlandaskan keimanan kepada Allah SWT. Melalui keimanan ini, konsep kendiri individu tidak hanya dipengaruhi oleh pandangan manusia tetapi juga dapat dibina berlandaskan penilaian diri terhadap

pandangan Allah SWT. Bagi mencapai penghargaan diri yang tinggi, seseorang Muslim akan berusaha melawan nafsu dengan melakukan perbuatan yang dianjurkan oleh Allah SWT iaitu amalan-amalan soleh yang berlandaskan kerohanian. Melalui amalan atau tingkah laku kerohanian ini, manusia akan merasakan diri dekat dengan Allah SWT dan meyakini bahawa Tuhan menyukai amalan tersebut dan ini dapat membina penghargaan diri yang positif (Siti Jamiaah et al. 2017).

Selain itu, kajian Baqri et al. (2021) tentang hubungan antara sokongan agama dan kualiti hidup dalam kalangan remaja miskin. Hasil kajian menunjukkan bahawa sokongan agama dikaitkan secara positif dengan harga diri dan keseluruhan kualiti hidup dalam kalangan remaja ini. Kajian ini menyimpulkan bahawa sokongan agama boleh menjadi faktor perlindungan untuk harga diri dalam menghadapi cabaran sosioekonomi.

Berdasarkan kajian lepas yang dilakukan, walaupun terdapat kajian berkaitan penghargaan kendiri remaja dan status sosioekonomi, namun masih belum ada kajian khusus tentang remaja *asnaf* dan perbincangan dari perspektif psikologi Islam. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti tahap penghargaan diri remaja *asnaf* serta hubungannya dengan tingkah laku kerohanian Islamik remaja *asnaf*.

## 2.0 Pembinaan Penghargaan Diri dari Perspektif Islam

Secara umum, penghargaan kendiri merujuk pada penilaian dan persepsi seseorang terhadap nilai diri mereka sendiri. Ini mencakup sejauh mana seseorang merasa berharga, dihormati, dan cenderung merasa positif atau negatif tentang diri mereka sendiri (MacDonald & Leary 2012). Individu yang memiliki penghargaan kendiri yang tinggi cenderung memiliki pandangan yang positif tentang diri mereka sendiri, sementara mereka dengan penghargaan kendiri yang rendah cenderung merasa tidak berharga dan tidak percaya pada kemampuan mereka.

Menurut Fitts & Warren (1996) penghargaan diri dan konsep kendiri mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Penghargaan kendiri mempunyai peranan penting terhadap pembentukan konsep kendiri seseorang. Konsep kendiri adalah gambaran mental tentang diri seseorang yang mencakup keyakinan, pemahaman, dan persepsi tentang siapa mereka, apa yang mereka mampu, dan bagaimana mereka memandang diri mereka dalam pelbagai aspek kehidupan. Konsep kendiri adalah konsep psikologi yang sangat penting dan berperanan besar dalam perkembangan peribadi dan kesejahteraan mental.


Perkaitan pembentukan penghargaan diri dan konsep kendiri jelas dapat dilihat daripada sumber terbentuknya kedua-duanya. Menurut Rogers (1951) konsep kendiri terbentuk daripada 3 gabungan elemen. Pertama, persepsi individu terhadap diri sendiri. Kedua, penilaian orang lain terhadap dirinya, dan ketiga, penilaian terhadap persepsi orang lain kepada dirinya. Manakala definisi penghargaan diri sebagaimana dinyatakan di atas merujuk kepada penilaian dan persepsi seseorang terhadap nilai diri mereka sendiri. Hal ini menunjukkan penghargaan kendiri dan konsep kendiri sangat berkait rapat.

Siti Jamiaah et al. (2017) telah menghuraikan asas pembinaan konsep kendiri dari perspektif Islam. Mereka telah menambah satu elemen utama tanpa menolak tiga elemen yang dikemukakan oleh Rogers kerana elemen-elemen tersebut merupakan sumber asas penilaian diri bagi setiap individu secara umum. Elemen yang ditambah didapati menjadi sumber yang mempengaruhi konsep kendiri individu iaitu penilaian pandangan tuhan terhadap diri. Hal ini kerana fitrah setiap manusia berkait dengan ketuhanan walaupun ada yang menafikan kewujudan tuhan di alam ini (Engku Ahmad Zaki 2007). Daripada perspektif Islam, penilaian terhadap pandangan tuhan yakni Allah SWT terhadap diri diperolehi berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan hadis.

Oleh itu, sumber penghargaan diri seseorang individu dari perspektif Islam adalah berasaskan (1) penilaian diri sendiri, (2) penilaian dan (3) persepsi orang lain dan persepsi diri terhadap penilaian Allah SWT yang menjadi taksiran yang membentuk konsep kendiri. Melalui nilai keimanan dan sejauh mana seseorang menguasai ilmu mengenali Allah SWT dan memahami tuntutan-Nya menjadi tunggak kepada kecenderungan pembentukan penghargaan kendiri sama ada positif atau negatif.

Hal ini selari dengan kajian Nabilah & Faisal (2019) yang mendapati penghargaan diri merujuk kepada istilah bahasa Arab iaitu *taqdīr al-dhāt* yang bermaksud penilaian, pengiktirafan dan anggaran seseorang terhadap dirinya yang sebenar iaitu jiwa ataupun *al-nafs*. Penghargaan diri adalah gambaran keseluruhan perasaan seseorang terhadap nilai dirinya sama ada tinggi ataupun rendah berdasarkan ukuran-ukuran yang wajar dan munasabah, menurut prinsip-prinsip dalam al-Quran dan hadis.

Rajah 1: Pembentukan Konsep Kendiri Menurut Perspektif



Di dalam al-Quran, banyak ayat yang menjelaskan bahawa Allah SWT memberi pujian dan menjanjikan anugerah kepada golongan mukmin yang bertakwa dan beramal soleh. Tidak kurang juga terdapat ayat yang menjelaskan bahawa Allah SWT memberi amaran, ancaman dan kecaman bagi golongan yang melakukan kemungkaran, zalim dan kufur terhadap Allah SWT. Antara firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah, serta kamu pula beriman kepada Allah. Dan kalaularah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman, tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakannya mereka: orang-orang yang fasik.”*

(Surah Ali Imran 3:110)

Ayat-ayat sebegini menjadi kayu ukur dan asas kepada persepsi diri terhadap penilaian Allah SWT yang membentuk penghargaan kendiri dan membina konsep kendiri. Semakin banyak seseorang melakukan amalan ibadah dan amal soleh maka semakin diri merasa dekat dengan Allah SWT dan membentuk penghargaan diri positif. Penghargaan diri positif menjadikan seseorang semakin mudah melakukan amalan ibadah dan amal soleh dan membina kecintaan kepada Allah SWT. Semakin tinggi rasa cinta kepada Allah SWT akan menjadi benteng mengurangkan pengaruh penghargaan diri yang negatif yang bersumberkan selain daripada al-Quran dan hadis.

Selain daripada itu, penghargaan diri remaja juga dikuatkan lagi dengan adanya interaksi yang dengan ibu bapa. Di dalam Islam, ibu bapa adalah sumber keberkatan hidup bagi anak-anak. Ibu bapa menjadi pendukung utama bagi membentuk peribadi anak-anak. Sebagaimana hadis Nabi SAW.

*“Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kemudian ibubapanya yang akan menjadikan anak itu Yahudi, Nasrani atau Majusi.”*

(Bukhārī. Sahīh al-Bukhārī. No. 1271)

Kajian Doi et al. (2020) membuktikan bahawa interaksi ibu bapa dengan anak remaja dan penjagaan ibu bapa terhadap kesihatan fizikal mereka dikaitkan dengan harga diri yang lebih tinggi. Di mana interaksi ibu bapa dengan anak remaja mereka mempunyai kesan yang lebih besar daripada penjagaan ibu bapa terhadap kesihatan fizikal remaja. Dapatkan ini, sama bagi golongan remaja miskin atau tidak.

### 3.0 Tingkah laku Kerohanian Islamik

Tingkah laku kerohanian adalah cara individu mengekspresikan dan menghidupkan dimensi rohani atau spiritual dalam kehidupan sehari-hari. Berdasarkan kajian literatur dan perbincangan di atas menunjukkan bahawa daripada perspektif Islam, tingkah laku kerohanian yang terdiri daripada amalan ibadah dan amal soleh merupakan sumber yang dapat membentuk penghargaan kendiri positif. Matlamat utamanya untuk mendapatkan

keredaan Allah SWT dan secara tidak langsung membina keyakinan diri untuk terus menjadi hamba Tuhan yang taat.

Islam amat mementingkan pembentukan tingkah laku spiritual seperti akhlak dan identiti keagamaan terutama kepada golongan generasi muda seperti remaja. Beberapa bentuk tingkah laku spiritual yang utama dalam Islam iaitu melalui amalan ibadah seperti solat, puasa, mempelajari al-Quran, zakat atau bersedekah dan menunaikan haji. Tingkah laku spiritual juga turut dizahirkan dalam gerak kerja harian seperti menuntut ilmu, berakhlik mulia terhadap orang lain dan mentaati ibubapa.

### 3.1 Solat

Solat adalah salah satu aspek paling penting dalam kehidupan seorang Muslim. Remaja diajar untuk menunaikan solat lima kali sehari sebagai kewajipan agama. Melalui solat, mereka memperkuat hubungan mereka dengan Allah SWT, berkomunikasi dengan-Nya, dan mendalamai erti kehidupan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan orang-orang yang berpegang teguh dengan Kitab Allah serta mendirikan solat, sesungguhnya Kami tidak akan menghilangkan pahala orang-orang yang berusaha memperbaiki (keadaan hidupnya).”*

(Surah al-A'rāf 7:170)

### 3.2 Zakat dan Sedekah

Tidak sekadar itu, ibadah zakat dan sedekah juga amat dituntut dalam Islam dan diajar seawal usia. Sumbangan zakat adalah kewajipan agama berlandaskan nisbah yang telah ditetapkan. Manakala, sedekah pula derma sukarela yang boleh dilakukan kepada orang yang memerlukan adalah satu cara untuk membantu orang lain. Amalan ini bukan sahaja dapat membina hubungan baik sesama manusia, malah mendidik jiwa daripada sifat tamak dan mencintai dunia. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan dirikanlah oleh kamu akan solat dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan.”*

(Surah al-Baqarah 2:110)

### 3.3 Berpuasa

Selain itu, berpuasa di bulan Ramadan adalah salah satu cara penting bagi remaja Islam untuk meningkatkan kesedaran spiritual mereka. Puasa mengajar kesabaran, kawalan diri, dan kefahaman tentang pengorbanan. Sabda Rasulullah SAW: *“Setiap amalan manusia adalah untuknya kecuali puasa. Sesungguhnya puasa adalah untuk-Ku. Dan Aku (Allah) sendiri yang akan mengurniakan ganjarannya.”* (Bukhārī. Sahīh al-Bukhārī. No. 1771).

### 3.4 Mempelajari dan Membaca al-Quran

Islam juga membangunkan tingkah laku remaja melalui pengajian al-Quran. Remaja yang mempelajari dengan membaca dan mentadabbur Al-Quran adalah cara untuk mereka mengenali Allah SWT, membersihkan jiwa dan mengetahui tuntutan dan larangan-Nya. Remaja memerlukan masa untuk memahami makna serta menghafal ayat-ayat Al-Quran. Melalui tadabbur kandungan al-Quran pula dapat mendorong remaja merenung kebesaran Allah, penciptaan-Nya, dan makna hidup mereka. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan solat serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian; Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniannya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membala dengan sebaik-baiknya.”*

(Surah al-Fātir 35: 29-30)

### 3.5 Menuntut Ilmu

Selain daripada melalui ibadah, tingkah laku spiritual juga dilakukan melalui perkara-perkara lain seperti menuntut ilmu dengan menghadiri kelas keagamaan atau pengajian agama Islam untuk memahami ajaran dan

sejarah Islam lebih mendalam. Di samping itu, Islam juga menggalakkan remaja mempelajari ilmu lain seperti sains, matematik, sejarah, bahasa dan lain-lain yang dapat meningkatkan kualiti hidup dan agama. Secara tidak langsung, dapat meningkatkan kepuasan tingkah laku spiritual remaja. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”*

(Surah al-Mujādalah 58:11)

### 3.6 Berakh�ak Mulia dan Berkongsi Nilai

Tingkah laku spiritual yang lain adalah berakh�ak mulia dalam kehidupan sehari-hari, seperti berperilaku baik, menjauhi perbuatan maksiat, dan membantu orang lain, adalah sebahagian daripada aspek spiritual dalam Islam. Masyarakat Islam menggalakkan remaja untuk berkongsi nilai-nilai agama mereka dengan rakan sebaya dan masyarakat. Ini melibatkan penglibatan dalam aktiviti keagamaan bersama, seperti diskusi atau kumpulan pelajaran. Firman Allah SWT:

*“Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat.”*

(Surah al-Baqarah 2: 83)

### 3.7 Ketaatan dan Kepatuhan Kepada Ibubapa

Selain itu, sebagai seorang anak, ketaatan dan kepatuhan kepada ibubapa merupakan tingkah laku kerohanian yang amat utama dijaga dan dilakukan oleh golongan remaja. Keutamaan ini berlandaskan hadis Nabi SAW:

Daripada Abdullah bin ‘Amrin bin Ash r.a, beliau meriwayatkan bahawa Nabi SAW telah bersabda: *“Keredaan Allah itu terletak pada keredaan kedua ibubapa, dan murka Allah itu terletak pada murka kedua ibubapa.”*

(al-Tirmidhi, Sahih al-Tirmidhi. No: 1821)

Bentuk-bentuk tingkah laku kerohanian yang diajari dalam Islam ini, membantu remaja untuk memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam agama dan masyarakat. Hal ini dapat memupuk nilai-nilai seperti ketaatan, kasih sayang, dan kesedaran sosial yang dapat meningkatkan nilai diri dalam kalangan remaja.

## 4.0 Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan kumpulan sampel remaja *asnaf* di Negeri Pahang. Responden kajian seramai 242 remaja *asnaf* yang berumur lingkungan 12 hingga 20 tahun. Teknik persampelan mudah (*convinience sampling*) digunakan dengan bantuan guru berserta keizinan daripada ibubapa/penjaga remaja.

Data dikumpulkan melalui soal selidik yang mengandungi 5 bahagian bagi memperolehi data demografi, Pendidikan Kerohanian (15 item), Penghargaan Kendiri (15 item) dan Tingkah laku Remaja Soleh (14 item). Soal selidik Penghargaan Kendiri telah diadaptasi berdasarkan borang soal selidik *self-esteem* oleh Rosernbag yang dibangunkan pada tahun 1965 (Rosly Kayar 2016). Manakala soal selidik Pendidikan Kerohanian dan Tingkah laku Remaja Soleh dibangunkan berdasarkan hasil kajian temu bual yang dilakukan. Kesahan kandungan soal selidik telah dilakukan oleh kumpulan pakar. Empat skala pengukuran digunakan iaitu sangat setuju (ss), setuju (s), sangat tidak setuju (sts) dan setuju (s). Interpretasi skor min ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Rubrik Skor

| Skor min  | Tahap     |
|-----------|-----------|
| 1.00-2.00 | Rendah    |
| 2.01-3.00 | Sederhana |
| 3.01-4.00 | Tinggi    |

Hasil analisis bagi mengukur ketekalan soal selidik menunjukkan bahawa kesemua bahagian soal selidik memiliki nilai kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima. Berikut adalah nilai kebolehpercayaan soal selidik berdasarkan nilai *Alpha Cronbach*.

Jadual 2: Nilai *Alpha Cronbach* Instrumen Kajian

| Instrumen                           | Nilai <i>Alpha Cronbach</i> |
|-------------------------------------|-----------------------------|
| Pendidikan kerohanian (15 item)     | .833                        |
| Penghargaan Kendiri (15 item)       | .841                        |
| Tingkah Laku Remaja Soleh (14 item) | .817                        |
| Keseluruhan (44 item)               | .890                        |

## 5.0 Hasil Kajian

### 5.1 Analisis Demografi Responden

Jadual 3 menunjukkan analisis demografi responden iaitu seramai 242 orang. Mereka merupakan remaja *asnaf* di negeri Pahang yang terdiri daripada 103 orang lelaki (42.6%) dan 139 orang perempuan (57.4%). Kebanyakan responden berumur sekitar 18 hingga 20 tahun iaitu seramai 218 orang (90%) yang kebiasaannya telah mengakhiri peringkat pendidikan menengah. Manakala selebihnya adalah mereka yang berumur 12 hingga 14 tahun iaitu seramai 12 orang (5%) dan 15 hingga 17 tahun juga seramai 12 orang (5%).

Jadual 3: Analisis Demografi Responden (n=242)

| Demografi        | Kategori               | Frekuensi | Peratus |
|------------------|------------------------|-----------|---------|
| Jantina          | Lelaki                 | 103       | 42.6    |
|                  | Perempuan              | 139       | 57.4    |
| Umur             | 12-14 Tahun            | 12        | 5.0     |
|                  | 15-17 Tahun            | 12        | 5.0     |
|                  | 18-20 Tahun            | 218       | 90.0    |
| Status ibubapa   | Berkahwin              | 195       | 80.6    |
|                  | Bercerai               | 17        | 7.0     |
|                  | Ibu Meninggal          | 14        | 5.8     |
|                  | Bapa meninggal         | 0         | 0       |
|                  | Ibu bapa meninggal     | 16        | 6.6     |
| Pendidikan       | Iqra/Muqaddam          | 16        | 6.6     |
|                  | Al-Quran               | 117       | 48.3    |
|                  | Khatam                 | 108       | 44.6    |
|                  | Tidak pernah belajar   | 1         | 0.4     |
| Tahap Pendidikan | Tidak bersekolah       | 1         | 0.4     |
|                  | Sekolah rendah         | 19        | 7.9     |
|                  | Sekolah menengah       | 218       | 90.1    |
|                  | Sekolah menengah agama | 1         | 0.4     |
|                  | Tahfiz/pondok          | 3         | 1.2     |

Berdasarkan analisis yang dilakukan, kebanyakan responden iaitu 98% (238 orang) tidak mempunyai latar belakang pendidikan aliran agama. Hanya 1.6% sahaja (4 orang; seorang dari sekolah menengah agama dan 3 orang dari tahfiz/pondok) yang memiliki latar belakang pendidikan aliran agama. Walau bagaimanapun, hampir kesemua iaitu meliputi 99.6% responden telah (108 orang telah khatam) atau sedang mempelajari al-

Quran (16 orang di peringkat Iqra'/Muqaddam dan 117 orang di peringkat al-Quran). Selebihnya iaitu seorang responden masih lagi tidak mempelajari al-Quran.

### 5.2 Penghargaan Kendiri Remaja *Asnaf*

Berdasarkan analisis melalui Jadual 4 menunjukkan, penghargaan kendiri dalam kalangan remaja *asnaf* berada pada tahap sederhana (min=2.51). Item yang menunjukkan skor min pada tahap tinggi ialah item 1, “*Saya mempunyai cita-cita*”, Item 2, “*Saya yakin saya akan berjaya dalam pelajaran*”, item 3, “*Saya menghargai kehidupan saya masa kini*”, dan item 4, “*Saya seorang yang positif (sangka baik)*”.

Analisis juga mendapati, selain daripada empat item tersebut, skor min bagi semua item yang lain adalah berada pada tahap sederhana kecuali item 15 yang menunjukkan skor min berada pada tahap yang rendah (min = 1.96). Sebanyak 183 orang remaja *asnaf* yang mewakili 75.6% responden berasa rendah diri apabila bersama rakan-rakan. Hal ini menunjukkan bahawa, rasa rendah diri agak kuat dalam diri remaja *asnaf* walaupun mereka mempunyai nilai-nilai positif penghargaan kendiri yang lain seperti harapan, semangat, kepuasan diri, rasa disayangi dan lain-lain.

**Jadual 4: Frekuensi, Peratus, Purata Min dan Tahap Penghargaan Kendiri Remaja *Asnaf* (n=242)**

| Bil | Penghargaan Kendiri  | STS<br>Bil    | TS<br>Bil      | S<br>Bil       | SS<br>Bil       | Min   |
|-----|--|---------------|----------------|----------------|-----------------|-------|
| 1   | Saya mempunyai cita-cita.  | 3<br>(1.2%)   | 6<br>(2.5%)    | 74<br>(30.6%)  | 159<br>(65.7%)  | 3.61  |
| 2   | Saya yakin saya akan berjaya dalam pelajaran.                        | 8<br>(3.3%)   | 38<br>(15.7%)  | 85<br>(35.1%)  | 111<br>(45.9%)  | 3.24  |
| 3   | Saya menghargai kehidupan saya masa kini.                            | 10<br>(4.1%)  | 24<br>(9.9%)   | 105<br>(43.4%) | 103<br>(42.6%)  | 3.24  |
| 4   | Saya seorang yang positif (sangka baik).                             | 9<br>(3.7%)   | 41<br>(16.9%)  | 134<br>(55.4%) | 58.0<br>(24.0%) | 3.00  |
| 5   | Saya merasakan bahawa saya seorang yang bernilai seperti orang lain. | 12<br>(5.0%)  | 45<br>(18.6%)  | 120<br>(49.6%) | 65<br>(26.9%)   | 2.98  |
| 6   | Saya berasa berpuas hati dengan diri saya.                           | 8<br>(3.3%)   | 55<br>(22.7%)  | 116<br>(47.9%) | 63<br>(26.0%)   | 2.97  |
| 7   | Saya berasa tersisih daripada kawan-kawan.                           | 63<br>(26.0%) | 121<br>(50.0%) | 43<br>(17.8%)  | 15<br>(6.2%)    | 2.96* |
| 8   | Saya kurang bersemangat untuk belajar.                               | 70<br>(28.9%) | 109<br>(45.0%) | 44<br>(18.2%)  | 19<br>(7.9%)    | 2.95* |
| 9   | Saya berasa diri saya tidak disayangi.                               | 73<br>(30.2%) | 106<br>(43.8%) | 41<br>(16.9%)  | 22<br>(9.1%)    | 2.95* |
| 10  | Saya boleh melakukan apa yang dilakukan oleh kebanyakan orang lain.  | 10<br>(4.1%)  | 46<br>(19.0%)  | 149<br>(61.6%) | 37<br>(15.3%)   | 2.88  |
| 11  | Saya berasa bangga dengan diri saya.                                 | 13<br>(5.4%)  | 59<br>(24.4%)  | 115<br>(47.5%) | 55<br>(22.7%)   | 2.88  |
| 12  | Saya rasa saya tergolong dalam orang yang baik.                      | 12<br>(5.0%)  | 64<br>(26.4%)  | 136<br>(56.2%) | 30<br>(12.4%)   | 2.76  |
| 13  | Saya cenderung untuk berasa bahawa saya seorang yang gagal.          | 55<br>(22.7%) | 95<br>(39.3%)  | 60<br>(24.8%)  | 32<br>(13.2%)   | 2.71* |
| 14  | Saya sentiasa berasa tidak baik dalam semua perkara.                 | 24<br>(9.9%)  | 103<br>(42.6%) | 94<br>(38.8%)  | 21<br>(8.7%)    | 2.54* |
| 15  | Saya berasa rendah diri apabila bersama rakan-rakan.                 | 8<br>(3.3%)   | 51<br>(21.1%)  | 107<br>(44.2%) | 76<br>(31.4%)   | 1.96* |

Purata Min = 2.51

Tahap = Sederhana

Nota: STS= Sangat tidak setuju, TS= Tidak setuju, S= Setuju, SS= Sangat setuju.

\* Nilai Min selepas kod semula (*recode*) item negatif. (No. 7, 8, 9, 13, 14, 15)

### 5.3 Pendidikan Kerohanian Remaja *Asnaf*

Jadual 5 menunjukkan tahap tingkah laku kerohanian dalam kalangan remaja *asnaf* berada pada tahap tinggi ini berdasarkan purata nilai min daripada setiap item ( $\text{min}=3.54$ ). Kesemua item memiliki skor min pada tahap tinggi ( $\text{min}>3.01$ ). Namun begitu, item yang menunjukkan skor min tertinggi ialah item 1, “*Saya yakin Allah melihat perbuatan saya*”. Kemudian diikuti item 2, “*Saya boleh mengucap dua kalimah syahadah*”, dan item 3, “*Saya yakin Allah menyayangi saya*.“ Dapatkan ini menunjukkan responden telah mendapat dan menguasai asas pendidikan kerohanian yang baik. Perkara paling asas dalam pendidikan kerohanian itu ialah mengenali dan mengimani Allah SWT dan mengucap dua kalimah syahadah. Melalui perkara asas ini akan mendorong seseorang untuk melaksanakan segala kewajipan, suruhan dan tuntutan yang dianjurkan oleh Allah SWT. Walau bagaimanapun, apa yang membimbangkan terdapat 3 orang responden yang tidak boleh mengucap dua kalimah syahadah. Perkara ini perlu diambil perhatian kerana asas kepada kualiti kerohanian dalam Islam ialah pada keimanan yang bermula dengan lafaz dua kalimah syahadah.

Selain itu, item yang menunjukkan skor min paling rendah ialah item 11, “*Ibu bapa saya sering mengajak saya solat bersama*,” dan diikuti item 5, “*Saya bersabar terhadap masalah yang dihadapi dan berusaha menyelesaikannya*.“ Walau bagaimanapun skor min bagi item-item ini berada pada tahap skor yang tinggi. Hal ini menunjukkan secara keseluruhan tahap pendidikan kerohanian yang diterima oleh remaja *asnaf* adalah baik dan memuaskan.

Jadual 5: Frekuensi, Peratus, Purata Min dan Tahap Pendidikan Kerohanian Remaja *Asnaf* (n=242)

| Bil | Pendidikan Kerohanian  | STS<br>Bil   | TS<br>Bil     | S<br>Bil       | SS<br>Bil      | Min  |
|-----|--|--------------|---------------|----------------|----------------|------|
| 1   | Saya yakin Allah melihat perbuatan saya.                                     | 0<br>(0%)    | 0<br>(0%)     | 22<br>(9.1%)   | 220<br>(90.9%) | 3.91 |
| 2   | Saya boleh mengucap dua kalimah syahadah.                                    | 2<br>(0.8%)  | 1<br>(0.4%)   | 20<br>(8.3%)   | 219<br>(90.5%) | 3.88 |
| 3   | Saya yakin Allah menyayangi saya.  | 0<br>(0%)    | 0<br>(0%)     | 45<br>(18.6%)  | 197<br>(81.4%) | 3.81 |
| 4   | Ibu bapa suka sekiranya saya dapat khatam al-Quran.                          | 0<br>(0%)    | 5<br>(2.1%)   | 58<br>(24.0%)  | 179<br>(74.0%) | 3.72 |
| 5   | Saya suka menutup aurat.   | 0<br>(0%)    | 2<br>(0.8%)   | 77<br>(31.8%)  | 163<br>(67.4%) | 3.67 |
| 6   | Saya suka belajar membaca al-Quran/muqaddam.                                 | 0<br>(0%)    | 4<br>(1.7%)   | 84<br>(34.7%)  | 154<br>(63.6%) | 3.62 |
| 7   | Saya menerima teguran ibu bapa/guru untuk memperbetulkan kesalahan diri.     | 1<br>(0.4%)  | 3<br>(1.2%)   | 87<br>(36.0%)  | 151<br>(62.4%) | 3.60 |
| 8   | Saya suka belajar ilmu agama di sekolah/pusat.                               | 0<br>(0%)    | 6<br>(2.5%)   | 87<br>(36.0%)  | 149<br>(61.6%) | 3.59 |
| 9   | Saya menunaikan solat lima waktu.  | 2<br>(0.8%)  | 6<br>(2.5%)   | 82<br>(33.9%)  | 152<br>(62.8%) | 3.59 |
| 10  | Guru membimbing saya untuk melakukan ibadah                                  | 0<br>(0%)    | 12<br>(5.0%)  | 110<br>(45.5%) | 120<br>(49.6%) | 3.45 |
| 11  | Amalan ibadah ahli keluarga mempengaruhi amalan ibadah saya.                 | 4<br>(1.7%)  | 20<br>(8.3%)  | 93<br>(38.4%)  | 125<br>(51.7%) | 3.40 |
| 12  | Saya suka mengikuti program-program agama di pusat /sekolah.                 | 3<br>(1.2%)  | 16<br>(6.6%)  | 124<br>(51.2%) | 99<br>(40.9%)  | 3.32 |
| 13  | Saya melakukan ibadah wajib/sunat kerana melihat ibu bapa saya melakukannya. | 5<br>(2.1%)  | 31<br>(12.8%) | 95<br>(39.3%)  | 111<br>(45.9%) | 3.29 |
| 14  | Saya bersabar terhadap masalah yang dihadapi dan berusaha menyelesaikannya.  | 5<br>(2.1%)  | 18<br>(7.4%)  | 155<br>(64.0%) | 64<br>(26.4%)  | 3.15 |
| 15  | Ibu bapa saya sering mengajak saya solat bersama.                            | 10<br>(4.1%) | 37<br>(15.3%) | 118<br>(48.8%) | 77<br>(31.8%)  | 3.08 |

Purata Min = 3.54

Tahap = Tinggi

Nota: STS= Sangat tidak setuju, TS= Tidak setuju, S= Setuju, SS= Sangat setuju.

#### 5.4 Kecenderungan Tingkah Laku Soleh Remaja *Asnaf*

Hasil analisis dalam Jadual 6 menunjukkan kecenderungan tingkah laku soleh remaja *asnaf* berada pada tahap tinggi (min=3.11). Item yang memiliki skor min tertinggi ialah item yang berkait dengan ucapan terima kasih (item 1), memberi salam kepada guru (item 2) dan diikuti dengan tingkah laku menolong ibu bapa dan guru (item 3).

Walaupun item-item lain juga memiliki skor min pada tahap tinggi, namun terdapat 4 item yang menunjukkan skor min pada tahap sederhana (min =2.01-3.00). Item tersebut ialah item 11, “*Saya bermain permainan secara atas talian (game) ketika musim peperiksaan*”, item 12, “*Saya malas mengulang kaji pelajaran ketika berada di rumah*”, item 13, “*Saya lebih suka berdiam diri ketika ibu bapa menyuruh mengulang kaji pelajaran*”, dan item 14, “*Saya hanya menyelesaikan tugas apabila disuruh*”.

**Jadual 6: Frekuensi, Peratus, Purata Min dan Tahap Tingkah laku Remaja Soleh (n=242)**

| Bil | Tingkah laku Remaja Soleh   | STS            | TS             | S              | SS             | Min   |
|-----|---|----------------|----------------|----------------|----------------|-------|
|     |   | Bil            | Bil            | Bil            | Bil            |       |
| 1   | Saya suka mengucapkan terima kasih kepada orang yang berbuat baik kepada saya.      | 11<br>(4.5%)   | 17<br>(7.0%)   | 63<br>(26.0%)  | 151<br>(62.4%) | 3.46  |
| 2   | Saya selalu memberi salam kepada guru.  | 5<br>(2.1%)    | 13<br>(5.4%)   | 94<br>(38.8%)  | 130<br>(53.7%) | 3.44  |
| 3   | Saya suka membantu ibu bapa atau guru.  | 7<br>(2.9%)    | 14<br>(5.8%)   | 99<br>(40.9%)  | 122<br>(50.4%) | 3.39  |
| 4   | Saya suka berbincang tentang pelajaran bersama rakan-rakan.                         | 8<br>(3.3%)    | 21<br>(8.7%)   | 93<br>(38.4%)  | 120<br>(49.6%) | 3.34  |
| 5   | Saya selalu bergaduh dengan rakan-rakan.  | 104<br>(43.0%) | 101<br>(41.7%) | 30<br>(12.4%)  | 7<br>(2.9%)    | 3.25* |
| 6   | Saya mudah mendengar nasihat ibu bapa.  | 5<br>(2.1%)    | 25<br>(10.3%)  | 126<br>(52.1%) | 86<br>(35.5%)  | 3.21  |
| 7   | Saya mudah membantah (melawan) cakap ibu bapa atau adik-beradik.                    | 81<br>(33.5%)  | 118<br>(48.8%) | 32<br>(13.2%)  | 11<br>(4.5%)   | 3.11* |
| 8   | Saya tidak suka keluar malam bersama rakan-rakan.                                   | 30<br>(12.4%)  | 43<br>(17.8%)  | 55<br>(22.7%)  | 114<br>(47.1%) | 3.05  |
| 9   | Saya suka bertanya kepada guru ketika belajar dalam kelas.                          | 10<br>(4.1%)   | 39<br>(16.1%)  | 129<br>(53.3%) | 64<br>(26.4%)  | 3.02  |
| 10  | Saya tidak dapat memberi tumpuan kepada pelajaran dalam kelas.                      | 64<br>(26.4%)  | 124<br>(51.2%) | 44<br>(18.2%)  | 10<br>(4.1%)   | 3.00* |
| 11  | Saya bermain permainan secara atas talian ( <i>game</i> ) ketika musim peperiksaan. | 94<br>(38.8%)  | 72<br>(29.8%)  | 45<br>(18.6%)  | 31<br>(12.8%)  | 2.95* |
| 12  | Saya malas mengulang kaji pelajaran ketika berada di rumah.                         | 53<br>(21.9%)  | 119<br>(49.2%) | 61<br>(25.2%)  | 9<br>(3.7%)    | 2.89* |
| 13  | Saya lebih suka berdiam diri ketika ibu bapa menyuruh mengulang kaji pelajaran.     | 56<br>(23.1%)  | 103<br>(42.6%) | 59<br>(24.4%)  | 24<br>(9.9%)   | 2.79* |
| 14  | Saya hanya menyelesaikan tugas apabila disuruh.                                     | 34<br>(14.0%)  | 103<br>(42.6%) | 83<br>(34.3%)  | 22<br>(9.1%)   | 2.62* |

|            |          |
|------------|----------|
| Purata Min | = 3.11   |
| Tahap      | = Tinggi |

Nota: STS= Sangat tidak setuju, TS= Tidak setuju, S= Setuju, SS= Sangat setuju.

\* Nilai Min selepas kod semula (*recode*) item negatif (No.5,7,10,11,12,13,14)

#### 5.5 Korelasi Penghargaan Kendiri dan Tingkah Laku Kerohanian Remaja *Asnaf*

Berdasarkan hasil analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 7, terdapat hubungan positif yang signifikan di antara penghargaan kendiri dan tingkah laku kerohanian dari aspek pendidikan kerohanian ( $r=0.450$ ,  $p<0.50$ ) dan tingkah laku soleh ( $r=0.395$ ,  $p<0.50$ ). Hal ini bermakna peningkatan penghargaan kendiri remaja *asnaf* adalah seiring dengan peningkatan kualiti tingkah laku kerohanian mereka. Dapatkan ini menunjukkan, tingkah laku kerohanian dapat memberi kesan yang positif terhadap penghargaan diri remaja *asnaf*. Begitu juga sebaliknya,

apabila penghargaan diri tinggi meningkatkan kecenderungan remaja untuk melakukan kebaikan dan menjalankan tanggungjawab dengan baik.

Jadual 7: Hubungan Antara Penghargaan Kendiri dan Kecenderungan Tingkah Laku Kerohanian Remaja Asnaf

|                        | Pendidikan<br>Kerohanian            | Tingkah Laku<br>Remaja Soleh |
|------------------------|-------------------------------------|------------------------------|
| Penghargaan<br>Kendiri | Korelasi Pearson<br>Sig. (2-tailed) | .450<br>.000                 |
| N                      |                                     | 242                          |
| **p<0.05               |                                     | 242                          |

## 6.0 Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, remaja *asnaf* memiliki tahap penghargaan kendiri yang sederhana. Dapatan ini tidak begitu selari dengan dapatan sebelum ini yang mendapati tahap penghargaan diri remaja miskin adalah rendah (Widodo & Pratitus 2013; Quon & McGrath 2014). Hal ini dapat dikenal pasti berkait dengan tahap pengamalan tingkah laku kerohanian yang tinggi dalam kalangan remaja. Antaranya, remaja *asnaf* membina hubungan yang baik dengan Allah SWT dan mereka yakin bahawa Allah SWT menyayangi mereka. Hubungan ini dizahirkan melalui pelaksanaan ibadah dan pengamalan akhlak yang mulia.

Selain daripada itu, remaja *asnaf* juga mempunyai hubungan yang baik dengan individu di sekeliling mereka. Mereka bukan sahaja memiliki interaksi yang baik dengan ibubapa malah mereka juga mempunyai hubungan baik dengan guru dan rakan-rakan. Mereka bersedia mendengar nasihat dan berusaha untuk melaksanakan tanggungjawab dengan baik sesuai dengan tuntutan daripada Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kasih sayang.”  
(Surah al-Isrā’ 17:24)

Tidak dapat dinafikan golongan remaja cenderung untuk memberontak atau menunjukkan rasa tidak puas hati bagi menzahirkan emosi mereka (Nor Shafrin et al. 2009). Namun dalam kajian ini, remaja *asnaf* mengawalnya agar tidak melampaui batasan sesuai dengan ajaran yang telah dianjurkan oleh Islam. Hal ini menunjukkan pelajar *asnaf* mendapat asas pendidikan kerohanian yang baik dan mereka menzahirkan melalui akhlak dan amalan soleh.

Kajian ini turut membuktikan tingkah laku kerohanian mempunyai hubungan dengan penghargaan kendiri remaja *asnaf*. Tingkah laku kerohanian yang tinggi meningkatkan penghargaan diri remaja *asnaf*. Ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh (Azwanis et al. 2021) yang mendapati penghayatan agama yang lebih tinggi dalam kalangan pelajar diramalkan mempunyai harga diri yang tinggi. Hal ini menunjukkan tingkah laku kerohanian berlandaskan keagamaan dapat meningkatkan penghargaan diri individu termasuk remaja *asnaf*. Di dalam Islam, terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang bukan sahaja menganjurkan manusia melakukan kebaikan malah menekankan setiap amalan kebaikan yang dilakukan akan mendapat ganjaran dan meninggikan kemuliaan diri di sisi Allah SWT (Nabilah & Faisal 2019). Sekali gus dapat meningkatkan penghargaan diri bagi mereka yang melakukan perbuatan-perbuatan yang dianjurkan.

## 7.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, pembangunan penghargaan diri remaja *asnaf* perlu diberi perhatian ke arah memecahkan kitaran kemiskinan mereka. Pendidikan keagamaan merupakan salah satu modul pembangunan remaja *asnaf* yang boleh diperkisasakan bagi meningkatkan penghargaan diri mereka. Tingkah laku kerohanian berdasarkan pendidikan agama merangkumi pengajian akidah, ibadah dan akhlak dapat mendorong remaja *asnaf* untuk menjadi remaja soleh. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab terhadap pembangunan anak-anak *asnaf* sama ada daripada pihak kerajaan, swasta dan NGO boleh menjadikan kajian ini sebagai panduan untuk membangunkan program dan inisiatif yang bersesuaian bertujuan meningkatkan penghargaan kendiri dan kesejahteraan anak-anak *asnaf*.

## Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada dapatan kajian di bawah geran tajaan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (RH-2021-004).

---

## Rujukan

- Abdul Hadi, A., Amiruddin, A., Mustapa, N. F., & Zainal Abidin, . M. ‘Adil. 2020. Level of self-esteem among medical students in International Islamic University Malaysia Kuantan (IIUM) and its association with religiosity. *Ulum Islamiyyah* 33(2): 17-35. <https://doi.org/10.33102/uij.vol33no2.309>
- Al-Quran, Tafsir Pimpinan ArRahman Edisi Baru 2020 (Tafsir Kebangsaan)
- Baqri, A., Putra, J., Karimullah, K. 2021. Hubungan Antara Dukungan Religius Dengan Kualitas Hidup Pada Remaja Miskin. *Indonesian Journal for the Psychology of Religion* 1(1). <https://doi.org/10.24854/ijpr395>
- Bukhārī, Ahmad bin ‘Alī Hajar al-‘Asqalani, Ahmad Bin ‘Alī bin Hajar Abu al-Fadl. 2001. *Fathu al-Bārī Sharah Sahīh al-Bukhārī*, tahqiq ‘Abd al-Qādir Shaibah al-Hamad. Riyad: Maktabah al-Mulk.
- Doi S, Isumi A, Fujiwara T. 2020. The Association between Parental Involvement Behavior and Self-Esteem among Adolescents Living in Poverty: Results from the K-CHILD Study. *International Journal of Environmental Research and Public Health* 17(17): 6277. <https://doi.org/10.3390/ijerph17176277>
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2007. *Membangun Modal Insan Melalui Pemantapan Akidah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam.
- Fitts, W.H. & Warren, W.L. 1996. *Tennessee Self-Concept Scale (TSCS:2) Manual 2<sup>th</sup>ed*. Los Angeles CA: Western Psychological Services.
- Gallo, L. C., Bogart, L. M., Vranceanu, A. M., & Matthews, K. A. 2005. Socioeconomic status, resources, psychological experiences, and emotional responses: A test of the reserve capacity model. *Journal of Personality and Social Psychology* 88(2): 386–399.
- Gold, M., & Mann, D.W. 1972. Delinquency as a defense. *American Journal of Orthopschitry* 42: 463-479.
- Haniyah, F. N., Novita, A., & Ruliani, S.N. 2022. Hubungan Antara Pola Asuh Orangtua, Teman Sebaya, Lingkungan Tempat Tinggal dan Sosial Ekonomi Dengan Kesehatan Mental Remaja. *Open Acces Jakarta Journal of Health Sciences* 1(7): 242-250.
- Hermann, D.S, McWhirter, J.J., & Sipsas-Hermann, A. 1997. The relationship between dimensional self-concept and juvenile gang involvement: Implications for prevention, intervention, and court referred diversion programs. *Behavioral Sciences and the Law* 15:181-194.
- Li, S., Xu, Q., & Xia, R. 2020. Relationship between ses and academic achievement of junior high school students in China: The mediating effect of self-concept. *Frontiers Psychology* 10: 2513. doi: 10.3389/fpsyg.2019.02513
- MacDonald G., Leary M. R. 2012. Individual differences in self-esteem. Dlm, Leary M. R., Tangney J. P. (Eds.), *Handbook of Self and Identity*. New York, NY: Guilford: 354-377.
- Nabilah Hasan & Faisal Ahmad Shah. 2019. Penghargaan diri (Taqdir al-dhāt) menurut al-hadith dan kepentingannya kepada pendakwah. *Jurnal Usuluddin* 47(1): 35-65.
- Nor Shafrin Ahmad, Nor Hashimah Hashim & Rahimi Che Aman. 2009. Ekspresi emosi cara remaja mengawal emosi: Satu kajian rintis. *Jurnal Psikologi Malaysia* 23: 39-47.
- Quon, E. C., & McGrath, J.J. 2014. Subjective socioeconomic status and adolescent health: A meta-analysis. *Health Psychology* 33 (5): 433–447. <https://doi.org/10.1037/a0033716>
- Rogers, C. R. 1951. *Client-centered Therapy: Its Current Practice, Implications, and Theory*, New York:Houghton Mifflin.
- Rosenberg, F. R., Rosenberg. M. & McCord. J. 1978. Self-esteem and delinquency. *Journal of Youth and Adolescence* 7(3): 279-294.

Siti Jamiaah Abdul Jalil, Yusmini Md. Yusoff & Rozmi Ismail. 2017. Konsep kendiri daripada perspektif barat dan Islam. *Jurnal Usuluddin* 45(1): 1-6.

Taylor, S. E., & Seeman, T. E. 1999. Psychosocial resources and the SES-health relationship. *Annals of the New York Academy of Sciences* 896: 210–225.

Widodo, A. S. & Pratitis, N. T. 2013. Harga diri dan interaksi sosial ekonomi orang tua. *Persona, Jurnal Psikologi Indonesia* 2 (2):131-138.